



Jom baca e-paper lagi lebih PADAT



UTAMA MUTAKHIR SETEMPAT GLOBAL ARENA RAP/SELEBRITI BISNES EKSTRA METROTV

BESTARI AGRO IT@METRO SANTAI NUANSA DEKOTAMAN HATI GEN Y M SIHAT EKSPRESI VROOM MINDA GALERI



Looking for a trusted property search partner?

## Ringgit jatuh, MSM rugi



Mohamad Amri

Tweet +1 Share 0

Syarifah Dayana Syed Bakri  
dayana@hmetro.com.my

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis terbesar negara mengalami kerugian yang pertama sejak penyenalannya pada tahun 2011 bagi suku tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017, disebabkan penurunan nilai mata wang tempatan dan pemulihan lewat bagi harga gula mentah antarabangsa.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Mohamad Amri Sahari berkata, kumpulan MSM yang juga anak syarikat kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), telah mencatatkan kerugian daripada operasi (LBT) sebanyak RM39.58 juta diikuti oleh kerugian bersih (LAT) sebanyak RM34.62 juta bagi suku pertama 2017, disebabkan oleh peningkatan mendadak kos gula mentah dan lain-lain faktor luaran yang tidak boleh dikawal.

"Kos pengeluaran gula bertapis untuk MSM terus meningkat pada suku pertama 2017 akibat daripada kelemahan Ringgit berbanding suku pertama 2016. Faktor ini menyebabkan MSM membayar jumlah yang lebih tinggi dari segi Ringgit per tan metrik untuk pembelian gula mentah," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, hari ini.

Menurutnya, sejak penubuhan syarikat, pihaknya sentiasa mengekalkan pertumbuhan yang progresif dan percaya situasi sukar ini turut dialami kebanyakan pasaran yang terbahit dalam komoditi gula di peringkat global.

"Walaupun terdapat penurunan beransur-ansur harga gula mentah antarabangsa, komoditi gula global beroperasi secara sukar dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu.

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 31 Mei 2017 @ 2:18 PM

### Mutakhir

- Lepas tiga das tembakan
- Pembalasan buat peragut [METROTV]
- Keadaan semakin tenang
- Usaha menstabilkan EX KD Rahmat dilaksanakan
- Gigih menuntut ilmu
- Unit Anti Keganasan dinaiktaraf
- Iftar di Dataran Merdeka

■ Lagi Berita

### Trending

- Shima teruja disahkan hamil
- Harap ada peluang kedua
- Sambung gaduh di hospital